



Ruj. Tuan : -
Ruj. Kami : JPWPKL.600-10/2/6 Jld.19 (14)
Tarikh : 28 Jun 2023

YBrs. Dr. Ling Liong Sik
Pengerusi
Malaysia Mental Literacy Movement
Universiti Tunku Abdul Rahman Kampus Sungai Long
Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long
43000 Cheras, Kajang
Selangor

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN MINDA TAHUN 2023 ANJURAN LITERACY MOVEMENT, UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat tuan bertarikh 8 Jun 2023/7 Jun 2023 serta surat dari Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia KPM.600-12/1/6 Jld.5 (14) bertarikh 7 Jun 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan setelah meneliti permohonan dari pihak tuan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) **tiada halangan** untuk memberi pertimbangan melaksanakan **Pertandingan Minda Tahun 2023** kepada murid-murid di **sekolah menengah** sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada **9 September 2023**.

3. Walau bagaimanapun, pihak tuan juga diingatkan untuk mengambil langkah-langkah bersesuaian berdasarkan **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023** bertarikh 6 Jun 2023, nombor rujukan KPM.100-1/3/2 Jld.7 (3) berkenaan **Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas** serta mematuhi arahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan pihak berkuasa tempatan dalam mengawal penularan penyakit berjangkit.

4. Pihak tuan juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018, Bil.4/2023** dan **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010** serta surat dari Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia KPM.600-12/1/6 Jld.5 (14) bertarikh 7 Jun 2023 di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 4.1 Mendapatkan kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat terlebih dahulu;
- 4.2 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 4.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 4.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini. Kerjasama tuan juga dimohon untuk **sentiasa mengingatkan murid untuk menjaga kesihatan diri dengan minum air yang mencukupi**. Ini bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diinginkan;
- 4.5 Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 4.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;

...2/-

- 4.7 **Penganjur bertanggungjawab sepenuhnya sebelum, semasa dan selepas program dengan mematuhi dasar dan garis panduan serta *Standard Operational Procedure (SOP)* norma baharu KKM yang sedang berkuatkuasa;**
- 4.8 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat;**
- 4.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum.
- 4.10 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 4.11 **Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.**

5. Untuk makluman tuan, pihak KPM sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak KPM mencadangkan supaya penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.

6. Kelulusan ini hanya untuk tujuan dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **9 September 2023**. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Pn. Haliza Hadfifah binti Razali** melalui talian **03-62046879** atau e-mel **haliza.razali@moe.gov.my**.

Kerjasama tuan dalam perkara ini amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. HAJAH ZALINA BINTI MOHD TAHIR AMN)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD

b.p Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- s.k.
1. Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pengurusan Sekolah,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
 2. Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pembangunan Murid,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
 3. Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu, Kuala Lumpur.
 4. Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Keramat, Kuala Lumpur.
 5. Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Sentul, Kuala Lumpur.
 6. Pengetua,
Sekolah Menengah Kebangsaan, Kuala Lumpur.